

## **PERANAN KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DALAM MERIALISASIKAN PENDIDIKAN LUAR BANDAR**

ZALIKA ADAM  
FARIDAH KASSIM  
MOHAMAD JOHDI SALLEH  
[zalika@iiu.edu.my](mailto:zalika@iiu.edu.my)  
[faridahk@iiu.edu.my](mailto:faridahk@iiu.edu.my)  
[johdi@iiu.edu.my](mailto:johdi@iiu.edu.my)  
International Islamic University Malaysia (IIUM)

### **ABSTRAK**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar antara kementerian yang berada dibawah kerajaan. Kementerian Kemajuan Luar Bandar banyak menyumbang kepada masyarakat setempat sekiranya dikaji. Oleh itu, sumbangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar sepatutnya dihargai. Namun tidak ramai dikangan penduduk mengambil peluang akan kemudahan yang disediakan. Kertas ini membentangkan akan kepentingan serta aktiviti yang dijalankan bagi memajukan pendidikan luar Bandar. Hasil kajian mendapati tidak ramai dikalangan penduduk luar Bandar yang merebut peluang akan kemudahan yang disediakan. Maka beberapa langkah diambil agar masyarakat luar Bandar peka akan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan, antaranya mengadakan hari terbuka Kementerian Kemajuan Luar Bandar, membuat promosi dan iklan di kawasan luar Bandar akan aktiviti yang dianjurkan.

### **PENDAHULUAN**

Pihak kerajaan telah banyak memberi sumbangan kepada masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Melayu khasnya. Kementerian Kemajuan Luar Bandar antaranya yang banyak membantu perkembangan ini. Namun sekiranya dikaji, tidak ramai yang mampu merebut peluang yang disediakan. Kita selalu alpa dengan kemajuan yang ada, tanpa kita sedari masih terdapat masyarakat yang memerlukan bantuan untuk sama-sama seiring dengan masyarakat kota, mereka adalah masyarakat yang tercincir atau masyarakat luar bandar yang ketinggalan akan arus kemodenan.

### **JURANG PERBEZAAN PENDIDIKAN DI BANDAR DAN DI LUAR BANDAR**

Persoalan timbul kerana masyarakat di bandar telah mencapai tahap kemajuan jauh lebih baik daripada masyarakat luar bandar. Hal ini dapat diperhatikan dalam jadual yang berikut:

| No. | Bandar  | Luar Bandar                           |
|-----|---|---------------------------------------|
| 1-  | Kemudahan infrastruktur dan peralatan yang mencukupi dan lengkap. | - Kekurangan kemudahan infrastruktur. |
| 2-  | Guru terlatih dan mencukupi.                                      | - Kekurangan guru.                    |
| 3-  | Kemudahan ICT lengkap dan mencukupi.                              | - Kekurangan kemudahan ICT.           |

Strategi merapatkan jurang di atas adalah seperti berikut:

- 1- Membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar Bandar.
  - Menambahbaik sekolah kurang murid.
  - Merapatkan jurang pencapaian akademik.
  - Merapatkan jurang digital.
- 2- Meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko keciciran.
  - Meningkatkan penguasaan 3 M.
  - Pemantapan program pendidikan bagi pelajar miskin.
- 3- Meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut pilihan di kawasan pedalaman.
- 4- Menambahbaik sistem pengagihan bantuan kepada pelajar miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minority.

## MASYARAKAT MELAYU DAN PELUANG PENDIDIKAN

Pihak kerajaan telah banyak menyediakan kemudahan kepada masyarakat terutama masyarakat Melayu, namun tidak ramai yang mengambil peluang yang disediakan. Akibatnya ramai graduan Melayu menganggur kerana terlalu memilih pekerjaan. Jika diperhatikan, peluang perniagaan banyak diceburi oleh bangsa lain.

Apakah yang menyebabkan masyarakat bukan Melayu lebih maju berbanding masyarakat Melayu ? Bak kata pepatah : “ Ayam mati dikepuk, itik mati di kolam”. Pepatah ini ingin memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu yang alpa....

Antara peluang pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan di bawah,Kemajuan Masyarakat ( KEMAS ) ialah prasekolah, kemahiran menjahit, kemahiran memasak, bengkel bengkel. Disamping itu disediakan juga perpustakaan bergerak. Ini menggalakkan dan menanamkan sikap suka membaca.

## PENGITIRAFAN PENSIJILAN

Program ini adalah cetusan idea oleh YB Dato' Seri Abd Aziz Shamsuddin, Menteri KKLW supaya diwujudkan satu Institut Latihan Kemahiran Jahitan yang diiktiraf hingga ke tahap Diploma bagi membantu peserta jahitan luar bandar tingkatkan kemahiran dan berdaya saing untuk menjadi seorang usahawan berjaya. Dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, UiTM, Kementerian Pelajaran, Pusat-Pusat Bertauliah, KEDA, JHEOA, Kementerian Belia & Sukan dan lain-lain.

## **SIJIL DITAWARKAN**

Terdapat 3 program Persijilan yang ditawarkan iaitu:-

- i. **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dalam bidang pembuat pakaian wanita.**
- ii. **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang pembuat pakaian wanita.**
- iii. **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang pembuat pakaian wanita.**

Pada tahun 2009 peserta yang berkelayakan akan ditawarkan :-

- **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM 4) Eksekutif Fesyen Dan Pakaian.**

## **KELAYAKAN PESERTA**

- i. Hadir dengan jayanya dalam program Bengkel Jahitan KEMAS.
- ii. Peserta Pusat Latihan JHEOA yang memiliki SKM tahap 1 dalam bidang berkaitan.
- iii. Peserta KEDA yang memiliki SKM Tahap 2 dalam bidang berkaitan.
- iv. Lain-lain peserta yang layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

## **O B J E K T I F**

- i. Menambah nilai kemahiran masyarakat luar bandar.
- ii. Membangun Modal Insan Luar Bandar.
- iii. Ke arah pembangunan 2020 dan 2057.
- iv. Mewujudkan sinergi latihan di antara Agensi di bawah KKLW dan lain-lain Agensi.

## **S I J I L D I T A W R K A N**

Terdapat 3 program Persijilan yang ditawarkan iaitu:-

- i. Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dalam bidang pembuat pakaian wanita.
- ii. Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang pembuat pakaian wanita.
- iii. Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang pembuat pakaian wanita.

Pada tahun 2009 peserta yang berkelayakan akan ditawarkan :-

- **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM 4) Eksekutif Fesyen Dan Pakaian.**

## **KELAYAKAN PESERTA**

- i. Hadir dengan jayanya dalam program Bengkel Jahitan KEMAS.
- ii. Peserta Pusat Latihan JHEOA yang memiliki SKM tahap 1 dalam bidang berkaitan.
- iii. Peserta KEDA yang memiliki SKM Tahap 2 dalam bidang berkaitan.
- iv. Lain-lain peserta yang layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan

## **MENAMBAH NILAI MASYARAKAT LUAR BANDAR**

Pendidikan Kemahiran yang dilaksanakan oleh KEMAS semenjak tahun 1969 adalah secara Pendidikan non - formal bertujuan untuk memberi bimbingan dan latihan kemahiran asas kepada masyarakat luar bandar bagi meningkatkan pengupayaan dalam menjana sumber pendapatan keluarga. Peserta bengkel jahitan hanya diberi Sijil penyertaan KEMAS setelah tamat menyertai latihan di bengkel jahitan. Oleh itu Pelaksanaan Program Persijilan dan Diploma jahitan yang dilaksanakan ini akan menambah nilai kemahiran masyarakat luar Bandar dan adalah perintis untuk menuju ke arah Persijilan dan Diploma yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia yang diiktiraf.

### **Membangun Modal Insan Luar Bandar**

Dalam usaha untuk menyediakan Modal Insan luar bandar yang berkualiti agenda pendidikan sepanjang hayat terus diperkasakan untuk menyediakan warga negara yang berdaya saing, kompeten dan kompetatif. Pelaksanaan Program Diploma Jahitan KEMAS memberi peluang kepada peserta di bawah Agensi KKLW untuk mengikuti Persijilan SKM Tahap 1 hingga 3 dan di peringkat Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan 5 yang diiktiraf.

### **Ke Arah Pembangunan 2020 dan 2057**

Menyahut saranan Kerajaan untuk mencapai wawasan 2020 dan Misi 2057 yang akan digubal oleh Kerajaan bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara daripada pelbagai aspek sejak kemerdekaan dan selepas pencapaian Wawasan 2020. Sehubungan itu Pelaksanaan Program Diploma Jahitan adalah selaras dengan hasrat Negara untuk melahirkan modal insan yang lebih berkualiti dan berdaya saing di pasaran semasa.

## **AKTIVITI-AKTIVITI PENDIDIKAN LUAR BANDAR**

**Berikut adalah keterangan aktiviti-aktiviti pendidikan luar Bandar:**

### **1. Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) - KEMAS**

| Keterangan | Permohonan | Alamat / Email / |
|------------|------------|------------------|
|------------|------------|------------------|

|   |   | Pegawai Untuk Dihubungi   |
|---|---|---|
| <p>Perkhidmatan TASKA termasuk di bawah Program Kesejahteraan Rakyat (PKR) atau Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), KKLW.</p> <p>Tujuannya untuk memberi pendidikan prasekolah KEMAS dikenali sebagai TABIKA bagi kanak-kanak berumur 4 - 6 tahun. Melalui TASKA, program pendidikan keibubapaan dapat dilaksanakan untuk ibu bapa dan masyarakat.</p> <p>Untuk maklumat lanjut sila <a href="#">klik di sini</a>.</p> | <p>Sila dapatkan borang di pejabat KEMAS berdekatan</p> | <p>Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Aras 2 dan 3, Blok 1, Menara PJH, Precint 2, 62000 Putrajaya</p> <p>Tel : 03-8889 7400</p> <p>-----</p> |

## 2. Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) - KEMAS

| Keterangan  | Permohonan                                       | Alamat / Email / Pegawai Untuk Dihubungi                  |
|---|--|---|
| Program pendidikan prasekolah KEMAS dikenali sebagai TABIKA | Sila dapatkan borang di pejabat KEMAS berdekatan | Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)<br>Aras 2 dan 3, Blok |

|   |  |
|---|--|
| <p>bagi kanak-kanak berumur 4 - 6 tahun. Tujuannya untuk menggalakkan perkembangan sosial, emosi, intelek dan fizikal sebagai penyediaan asas sebelum pendidikan formal di sekolah rendah</p> | <p>1, Menara PJH,<br/>Precint 2, 62000<br/>Putrajaya<br/><br/>Tel : 03-8889 7400</p> |
|---|--|

### 3. Skim Galakan Pendidikan Jabatan Hal ehwal Orang asli ( JHEOA)

| Keterangan  | Permohonan   | Alamat / Email / Pegawai Untuk Dihubungi  |
|---|--|---|
| Ditawarkan kepada pelajar-pelajar orang asli yang menuntut di IPTA dalam negara sahaja. | <p>Sila klik <b>Syarat-syarat Permohonan</b></p> <p>Permohonan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan hendaklah menggunakan 'Borang B'. Muat turun <b>Borang</b>.</p> | <p>Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Ting 20 &amp; 20M<br/>West Blok<br/>Wisma Selangor Dredging<br/>W 142-C Jalan Ampang<br/>50548 Kuala Lumpur</p> <p>Sila faksikan ke 03-21621470 / 03-21635186</p> |

## PROGRAM KEMENTERIAN

Pihak kementerian telah menyediakan program-proram untuk masyarakat luar Bandar iaitu, Jalan kampong, Jalan Luar Bandar, bekalan Air, Bekalan Elektrik, Ameniti Sosial, basmi Kemiskinan, Gerakan Daya Wawasan, Ekonomi Desa, Infodesa, Latihan ICT, dan Portal Infodesa.

## KURSUS DAN LATIHAN

### 1. Kursus di Kolej RISDA

| Keterangan   | Permohonan   | Alamat / Email / Pegawai Untuk Dihubungi  |
|--|--|---|
| <p>Kolej RISDA atau dulunya dikenali sebagai Institut Latihan RISDA merupakan sebuah kolej pengajian yang menawarkan kursus-kursus diperingkat Diploma dan Sijil.</p> <p>Terdapat 4 buah cawangan di Semenanjung Malaysia iaitu:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kolej RISDA Pahang</li> <li>ii. Kolej RISDA Melaka</li> <li>iii. Kolej RISDA Perak</li> <li>iv. Kolej RISDA Kelantan</li> </ul> <p>Maklumat lanjut permohonan boleh di dapatkan <a href="#">di sini</a>.</p> | <p><b>Borang Permohonan Masuk Ke Kolej RISDA</b></p> | <p>Kolej RISDA Sdn. Bhd (324821-V)<br/>Suite 12,12a &amp; 12b,<br/>Tingkat 12<br/>Bangunan Plaza Ampang City<br/>Kilometer 7, Jalan Ampang<br/>50450 Kuala Lumpur<br/>Tel : 03-42571677 / 2677 Fax : 03-42534831</p> <p>Pegawai Dihubungi : Encik Zaini / Puan Nora</p> |

### 2. Kursus di Kolej KETENGAH

| Keterangan     | Permohonan           | Alamat / Email / Pegawai Untuk Dihubungi |
|----------------|----------------------|--|
| Objektif utama | <b>Borang Online</b> | Lembaga                                  |

|  |                                 |   |
|--|---------------------------------|---|
| <p>adalah untuk membuka peluang melanjutkan pelajaran tinggi kepada masyarakat KETENGAH dan masyarakat luarbandar dan mempercepatkan pembangunan KETENGAH melalui bidang pendidikan serta menjadikannya sebagai pemangkin pembangunan sosio-ekonomi.</p> <p>Untuk keterangan mengenai kurus yang ditawarkan serta syarat kemasukan sila <a href="#">klik sini</a>.</p> | <p>boleh didapati di sini .</p> | <p>Kemajuan Terengganu Tengah, Karung Berkunci No. 3, 23409 Al Muktafi Billah Shah, Terengganu</p> <p>Telefon : 609-8223100 /8223101/ 8223102/ 8223104 Fax : 609-8223104/ 8223105/ 8223106</p> <p>Pegawai Hubungi : Puan Zulita</p> |
|--|---------------------------------|---|

### 3. Kursus di INFRA

| Keterangan   | Permohonan               | Alamat / Email / Pegawai Untuk Dihubungi  |
|--|--------------------------|---|
| Program yang dikendalikan INFRA adalah menjurus kepada membawa perubahan paradigma dalam pengurusan masyarakat desa dan pembangunan fizikal yang selari dengan matlamat Gerakan Daya | Muat Turun Borang Kursus | Institut Kemajuan Desa, Lot 2A, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.<br>Tel : 03-89265943<br><a href="mailto:infra@infra.gov.my">infra@infra.gov.my</a> |

|   |  |  |
|---|--|--|
| Wawasan.<br><br>Antaranya<br>Program-program<br>yang dijalankan<br>ialah Latihan<br>Pengupayaan dan<br>Literasi ICT Desa<br><br>Sila dapatkan<br>maklumat kursus<br>yang terkini di<br><b>Laman Web<br/>INFRA</b> |  |  |
|---|--|--|

Agensi pelaksana :

- 1- KEDA
- 2- KESEDAR
- 3- KETENGAH
- 4- KEJORA
- 5- KEMAS Sarawak
- 6- KEMAS Sabah
- 7- RISDA
- 8- JHEOA
- 9- FELCRA Berhad
- 10- Bahagian Teknologi Maklumat dan Infodesa, KKLW

## **LATIHAN ICT**

Program Latihan ICT Desa merupakan satu sub program kepada program InfoDesa. Latihan ICT Desa merangkumi kursus-kursus literasi dan kursus kemahiran komputer. Ianya dilaksanakan menerusi INFRA, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, KEMAS, agensi LKT/ LKW dan pengurusan Medan InfoDesa. Objektif program ini adalah untuk :

- (i) Memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan tentang teknologi komunikasi dan maklumat (TKM) kepada masyarakat desa
- (ii) Meningkatkan penggunaan dan penguasaan serta literasi komputer di kalangan pemimpin masyarakat desa

- (iii) Memberi kemahiran yang sesuai kepada masyarakat desa bagi melahirkan usahawan ICT dan masyarakat yang berkemahiran serta dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk memajukan kehidupan mereka.

## **PROGRAM INFODESA**

Program Infodesa (PID) merupakan satu program yang terbahagi kepada 2 program utama iaitu Medan Infodesa (MID) dan **Titian Digital**. MID adalah satu entiti fizikal yang dilengkapi dengan prasarana Teknologi Maklumat dan dibina di lokasi desa.

MID ini berfungsi sebagai Pusat Latihan ICT bagi daerah, pemangkin keusahawanan ICT setempat dan merupakan projek berdaya mapan-diri dari sudut sosial dan ekonomi. Titian Digital pula merupakan entiti gerbang komunikasi dan interaksi (IT portal) di kalangan masyarakat desa dan semua pihak perkhidmatan dan organisasi lain yang ada hubung kait dengan aktiviti masyarakat desa. Kini portal Titian Digital dikenali dengan **Portal Infodesa**.

## **PENUTUP**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar banyak member sumbangan kepada masyarakat terutama orang Melayu. Namun tidak ramai yang mengambil peluang akan aktiviti yang disediakan. Dengan menyertai aktiviti tersebut dapat memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada kita terutama para remaja.

## **RUJUKAN**

<http://www.kemas.gov.my:8080/resources/iklan/program/FlyerKemaslatest.pdf>

<http://www.rurallink.gov.my/Pk>

## **BIADOTA PENULIS-PENULIS**

**Biadota:** Zalika Binti Adam, Pensyarah Pusat Bahasa ( Divisyen Bahasa Arab), UIAM, sejak 2002, memperolehi Sarjana Muda Bahasa Arab, Universiti Yarmouk Jordan (2000) dan Sarjana di UIAM,2005 dalam bidang Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ke dua. Kini sedang menyiapkan tesis PhD. di UIAM. Fellow asrama perempuan ( UIAM ).

**Alamat:** Po Box 90 , CELPAD, UIAM, Gombak, 53100, Kuala Lumpur.

H/p: 019- 3652591 e-mail : [zalika@iiu.edu.my](mailto:zalika@iiu.edu.my)

**Biadota:** Faridah Binti Kassim ( Divisyen Bahasa Melayu ), 1980-1987: Pembantu Pegawai, Kementerian Pembangunan Keluarga & Wanita. 1992-1993: Guru di Sek. Men. Sri Cempaka,

*Prosiding "Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009", 3 – 5 Februari 2009, Hotel Baverly, Kota Kinabalu, Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, UMS Sabah*

Damansara Height Kuala Lumpur. UIAM sejak 1994 hingga sekarang. Memperolehi ijazah Sarjana Muda di Universiti Nasional Jakarta( 1992 ). Fellow asrama perempuan ( UIAM ).

**Alamat:** Po Box 103 CELPAD, UIAM, Gombak, 53100,Kuala Lumpur.

H/p: 019-3171551 e-mail: [faridahk@iiu.edu.my](mailto:faridahk@iiu.edu.my)